

17 JUN 1997

Aids-Marina

MARINA MAHATHIR DI PERSIDANGAN AIDS DI MELBOURNE

Oleh: Neville D'Cruz

MELBOURNE, 17 Jun (Bernama) -- Datin Paduka Marina Mahathir merupakan antara 300 penceramah di Persidangan Antarabangsa Kesan Aids Ketiga yang akan berlangsung di Melbourne dari 22 hingga 25 Jun.

Beliau dijangka berucap mengenai peranannya sebagai ketua rangkaian besar pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan yang aktif mengenai Aids di Asia Tenggara.

"Persidangan itu tepat pada masanya dan kita akan dapat membangunkan strategi dalam menangani Aids di Asia," kata Dr Gary Dowsett, seorang pakar penyelidik Aids yang terkenal dari Universiti La Trobe.

Beliau berkata, AIDS dahulunya membimbangkan di Afrika tetapi kini mengancam selatan Asia -- pintu masuk Australia.

Pengarah Eksekutif Program Bersama Mengenai Aids Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, Dr Peter Piot, akan memberitahu persidangan itu mengenai kedudukan jangkitan HIV di dunia dan penekanan pada Asia dan Pasifik.

Penceramah-penceramah lain akan menumpukan kepada pengembaraan dan seks di Asia, AIDS dan pembangunan serta respon kepada penyakit itu daripada aspek budaya.

"Kejayaan Australia dalam mengawal wabak itu boleh dijadikan model di rantau ini," kata Dr Dowsett. "Sejak 12 tahun lepas kita berjaya mengurangkan kadar jangkitan HIV".

Persidangan Melbourne itu akan dirasmikan oleh Gabenor Jeneral, Sir William Deane pada 22 Jun ini. -- BERNAMA.

NDC PR